

Runtuhan jalan semakin serius

Laluan utama Pulau Meranti ditutup elak kemalangan

**NUR FARHANA
ABDUL MANAN**

SEPANG – “Pada mulanya lubang yang berada di tengah jalan utama Pulau Meranti itu hanya bersaiz 0.3 meter tetapi saya terkejut apabila melihat lubang itu membesar dan mengakibatkan runtuhan yang serius semalam,” kata penduduk kawasan berhampiran, Norizan Abd Hamid, 48.

Norizan berkata, kewujudan lubang itu disedarinya pada sambutan Aidilfitri lalu namun tidak menyangka keadaan menjadi teruk sehingga menyebabkan laluan itu terpaksa ditutup kepada umum, petang semalam.

Katanya, dia turut bersyukur kerana ketika kejadian berlaku dia tidak melalui jalan itu untuk pulang ke rumahnya di Taman Kipark sebaliknya mengambil keputusan berkunjung di rumah sahabat



Keadaan jalan yang runtuh di jalan Dengkil Pulau Meranti, semalam.

yang mempelawanya makan tengah hari di Taman Bukit Puchong.

Dakwa Norizan, dia tidak tahu apa yang berlaku sekira-

nya pulang ke rumah pada waktu sama insiden berlaku kerana hasrat awalnya hendak pulang dari rumah rakannya pada jam 2 petang.

“Memang bernasib baik kerana pada waktu kejadian jalan mendap dan runtuh saya serta rakan tidak melalui jalan itu sebaliknya mengambil

keputusan menerima pelawaan seorang sahabat lain untuk makan bersamanya.

“Terkejut sangat apabila melihat lubang yang kecil itu sudah berubah menjadi besar,” katanya yang menggunakan laluan itu setiap hari kerana jalan itu lebih dekat berbanding menggunakan laluan lain.

Norizan berkata, desakan hati untuk melihat insiden itu menyebabkan dia ke lokasi kejadian bersama suaminya kira-kira jam 4.30 petang dan terkejut apa yang disangkanya selama ini berlaku.

Katanya, sebelum ini dia sudah berasa ada sesuatu yang tidak kena apabila melihat lubang terbabit tambahan kejadian hujan lebat yang berlaku beberapa bulan lalu menambahkan lagi kebimbangannya.

“Pagi tadi (semalam) ketika hendak menghantar anak ke tadika, saya nampak lubang itu

membesar tetapi tidak sangka ia akan runtuh ketika hendak menghalo pulang selepas ke rumah rakan.

Sementara itu, Pemangku Ketua Polis Daerah Sepang, Deputy Superintendan Zaldino Zaludin berkata, kejadian berlaku di Batu 8, Kampung Sungai Rasau, Pulau Meranti menghalo ke Puchong.

Katanya, insiden itu menyebabkan kedua-dua arah jalan utama berkenaan terpaksa ditutup kepada pengguna jalan raya selepas runtuhan bersaiz lebih tiga meter berlaku.

“Semua agensi berkenaan sudah dipanggil meninjau lokasi kejadian dan jalan itu akan ditutup sehingga kerja baikpulih selesai dijalankan,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan menggunakan laluan Cyberjaya atau jalan alternatif lain.